

Warga asing makin kurang 'bersidai' di lokasi tumpuan

Kuala Lumpur: Lambakan warga asing menghiasi pemandangan ibu negara terutama pada hujung minggu pada masa lalu, kini didapati sudah tidak ketara lagi dipercayai susulan beberapa operasi bersepadu secara berterusan dilakukan pihak berkuasa sejak penghujung tahun lalu.

Operasi pemutihan dilaksanakan termasuk inisiatif menghantar hampir satu batalion Pasukan Gerakan Am (PGA) Polis Diraja Malaysia (PDRM) menggempur koloni warga asing di Jalan Silang di sini, pada 21 Disember lalu jelas menampakkan keberkesanan.

Tinjauan Harian Metro di beberapa lokasi di ibu ne-



PENGEMIS warga asing mengemis di sekitar Bukit Bintang.



PENIAGA buah warga asing dilihat masih melakukan aktiviti menjaja di sekitar Bukit Bintang, Kuala Lumpur.



WARGA asing masih berniaga di sekitar kawasan Jalan Petaling, Kuala Lumpur. - NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

gara termasuk di Jalan Silang dan sekitar Lebuhraya Ampang mendapati semakin kurang kelibat warga asing bersesak dan bersidai seperti kebiasaannya hingga warga tempatan mengangap bagaikan berada di negara asing serta lokasi terbabit digelar 'Mini Dhaka'.

Begitu juga tinjauan di sekitar Bukit Bintang di sini, apabila didapati kawasan perniagaan strategik itu kurang dengan penjaja

warga asing di tepi jalan walaupun ada peniaga buah yang dipercayai warga asing segera menutup operasinya apabila menyedari jurukamera merakam aktiviti perniagaannya.

Bagaimanapun, dikesan dua wanita dewasa yang membawa anak kecil dianggarkan berusia lingkungan lima tahun dipercayai etnik Rohingya mengemis di lokasi terbabit.

Tinjauan di Chinatown,

Petalong Street pula mendapati lebih ramai jurujual di pusat tumpuan pelanggan itu adalah dalam kalangan warga tempatan berbanding sebelum ini yang dimonopoli warga asing terutama dari Bangladesh.

Sejak kebelakangan ini, kerajaan menerusi pelbagai agensi termasuk PDRM, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan pihak berkuasa tempatan seperti Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) semakin giat melakukan operasi terhadap pendatang asing tanpa izin (Pati) dan warga asing yang sesuka hati meniaga tanpa permit di seluruh negara.

Pada 21 Disember lalu, seramai 1,101 Pati termasuk dua kanak-kanak ditahan selepas lokasi tumpuan warga asing dikenali 'Mini Dhaka' di Jalan Silang ibu kota dikelilingi dan digempur PGA.